

PENDEKATAN HIKMAH DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA

Redwan Bin Yasin, Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Sayuti Ab. Ghani,
Mohd Izwan Shahril & Syed Kamaruzaman Syed Ali¹

Abstract

Malaysia is a multicultural society renowned for its religions and indigenous diversity. Malaysian accepts and respects various belief, cultural and traditions. However, as Islam is the religion embraced by majority of Malaysian since the early day of the formation of the nation-state, Islam is designated as the religion of the Federation, as well as a pillar of the administration of the state. Islam is a religion that is universal in its nature. Thus, social solidarity plays a pivotal principle of communal lives. Through this paper, readers are introduced to the concept of Hikmah, which is the best approach to establishing a platform for mutual understanding and social integration in a multiracial society. The concept can be practiced inclusively in all aspect of lives (i.e., behaviour, communication, meditating) by all segments of society, in particular, the educationalist. The discourse is a scholarly contribution to explaining the importance of faith-based approach to reinforce social solidarity among Malaysian.

Katakunci: Pendekatan Hikmah, Agama Islam, perpaduan, masyarakat berbilang kaum, Malaysia

¹ Redwan Bin Yassin (redwan@upnm.edu.my), Mohd Ridhuan Tee Abdullah (Ph.D) dan Profesor Madya Dr Sayuti Ab. Ghani (sayuti@upnm.edu.my) merupakan pensyarah di Universiti Pertahanan Nasional, Malaysia. Mohd Izwan Shahril (ridzwan_shah@yahoo.com) pula adalah pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seterusnya, Dr. Syed Kamaruzaman Syed Ali (syed@um.edu.my) adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Matematik dan Pendidikan Sains, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Penulis koresponden: Syed Kamaruzaman Syed Ali (syedkamaruzaman@gmail.com)

Pendahuluan

Perpaduan masyarakat merupakan agenda utama negara Malaysia dalam menjamin kestabilan politik dan pentadbiran negara. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaiannya dari sudut agama dan etnik. Negara sebegini lazimnya berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam usaha untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Pelbagai isu sensitif yang menggugat perpaduan antara agama dan etnik kedengaran sejak akhir-akhir ini. Antara yang kritikal adalah hak-hak istimewa serta kesucian agama yang dianuti sama ada majoriti atau minoriti rakyat Malaysia seringkali dipersoal dan diperdebatkan secara terbuka. Paling menyedihkan apabila ianya disuarakan secara membuta-tuli tanpa merujuk kepada asas pentadbiran dan perundungan negara.

Masyarakat kontemporari Malaysia dilihat semakin kurang peka dengan perkara sebegini. Kebanyakan anggota masyarakat kurang berminat untuk menyumbang ke arah perpaduan antara rakyat berbilang agama dan kaum di Malaysia. Terdapat segelintir daripada anggota masyarakat yang memberi komen kurang membangun dan mempunyai persepsi negatif terhadap agenda perpaduan, dengan alasan ianya berat sebelah atau menguntungkan sesetengah pihak sahaja.

Isu perpaduan sosial sepatutnya disokong dan didukung oleh keseluruhan rakyat Malaysia. Ini kerana perpaduan masyarakat adalah faktor utama yang menjamin keamanan dan kesejahteraan negara. Antara faktor utama yang berkemungkinan besar menyumbang kepada kewujudan masalah ini adalah tidak peduli masyarakat dan sikap individualistik anggota masyarakat. Matlamat utama yang ingin dicapai dalam kehidupan ialah sesuatu yang bersifat individualistik serta memberi keuntungan lebih kepada dirinya sahaja, bukan berbentuk *jama'ah* yakni secara bersama.

Oleh sebab itu, Islam sebagai agama Persekutuan yang menjadi tunjang dan rujukan pentadbiran sentiasa memperjelaskan tentang hubungkait perpaduan

dengan kesejahteraan hidup insan. Perpaduan dalam konteks *Fiqhu al-Daulah*, yakni ilmu feqah yang membicarakan tentang konsep kenegaraan menurut Islam, tidak hanya terbatas kepada hubungan sesama muslim sahaja. Bahkah, diharuskan bersatu dan membentuk perpaduan dengan golongan bukan Islam bagi perkara yang diredhai Allah SWT dan tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Malah, Islam dengan sifat *Syumul* yakni universalnya, menawarkan pelbagai pendekatan yang boleh diambil sebagai sebuah mekanisme perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat. Melalui nama Islam yang membawa erti sejahtera, dapat kita fahami bahawa ianya bukanlah agama yang khusus untuk sesuatu agama atau hanya sesuai pada sesuatu keadaan sahaja. Bahkan, penurunan Nabi Muhammad SAW adalah sebagai pelengkap kepada ajaran agama yang diturunkan sebelumnya (Suyuthi, 2002).

Dalam konteks Malaysia, nilai-nilai Islam secara rasionalnya boleh juga diamalkan oleh golongan bukan Islam tanpa sebarang halangan dan perasaan janggal kerana telah berkongsi negara selama hampir 57 semenjak zaman kemerdekaan. Rakyat Malaysia harus faham bahawa mengenali dan mengamalkan pendekatan perpaduan yang diajarkan oleh Islam tidak bermaksud untuk menggalakkan dan memaksa rakyat yang bukan Islam untuk menukar agama. Ianya sekadar mengajak mengamalkan pendekatan keagamaan yang sememangnya menjadi relevan dan sesuai dengan fitrah kehidupan manusia.

Integrasi sosial juga lebih mudah dipupuk jika kesemua rakyat berbilang kaum dan agama berpegang kepada suatu konsep perpaduan yang sama. Tiada faedah untuk kita bertelingkah dalam soal mengeratkan perpaduan kerana akhirnya jika matlamatnya tidak tercapai, ianya akan memberikan kerugian bukan kepada sebahagian, tetapi kepada keseluruhan anggota masyarakat.

Konsep *Hikmah* Menurut Islam

Perkataan *al-Hikmah* diambil daripada kalimah ayat suci al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama masyarakat muslim. Ianya dapat diterjemahkan kepada pelbagai makna, bergantung kepada konteks penggunaannya. Justeru itu, bagi

tujuan perpaduan masyarakat, interpretasi bagi kalimah tersebut ialah suatu kecerdikan dalam menggunakan akal fikiran yang dikurniakan oleh Tuhan bersama petunjukNya, dalam melakukan suatu tindakan bijak dan sesuai dengan keadaan. Tujuannya adalah untuk menghasilkan natijah yang memberikan *Maslahah* atau kebaikan kepada kesemua pihak.

Hikmah mempunyai hubungkait rapat dengan ketenangan jiwa, kelembutan tutur bicara, kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Jika diteliti, penggunaan pendekatan *al-Hikmah* seringkali dibincangkan dalam bidang kaunseling, bimbingan muslim, serta dakwah yang mana ianya dijadikan sebagai suatu metod atau kaedah dakwah dalam Islam, dengan tujuan untuk menyampaikan insan kepada jalan kebenaran dengan mempertimbangkan kemampuan dan ketajaman rasional atau si penerima dakwah (Moh. Ali Aziz, 2004:129). Takrifan tersebut telah diambil melalui firman Allah SWT yang berbunyi:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu (yakni agama Allah SWT) dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”.

(Al-Nahl, 16:125)

Umumnya, para ahli tafsir seperti Imam Fakhru1 al-Radzi menjelaskan bahawa kalimah *al-Hikmah* dalam ayat di atas merungkaikan tentang asas pendekatan dalam mengajak kepada kebaikan yang berkesan. Ianya haruslah berlandaskan perintah wahyu al-Quran dan merujuk kepada sunnah Rasulullah SAW, dan yang terpenting ialah berdasarkan kepada kefahaman agama dan ilmu pengetahuan dalam memastikan golongan sasaran memahami intipati perkara yang ingin disampaikan (Al-Radzi Fakhru, 1994).

Ulama Islam kontemporari yang muktabar seperti Wahbah al-Zuhailiy telah menyebut bahawa maksud *al-Hikmah* yang telah dikurniakan kepada hamba yang terpilih seperti Luqman al-Hakim, sebagai suatu kurnian yang besar dan anugerah agung milik Allah SWT. Ianya merupakan suatu kefahaman yang hebat serta ketajaman ilmu pemikiran yang cerdik terutamanya dalam melakukan pertimbangan yang terbaik terhadap sesuatu perkara (Al-Zuhailiy, 2000:2024).

Itulah sebenarnya tanggungjawab masyarakat Malaysia iaitu memanfaatkan kurniaan akal untuk berfikir dan menilai serta melakukan pertimbangan dalam membezakan jalan perpaduan atau jalan perpecahan.

Akal manusia mempunyai pelbagai kemampuan yang seharusnya dipergunakan untuk tujuan kebaikan. Di antara kemampuan akal insan ialah seperti kemampuan memahami, kemampuan mentafsir, kemampuan menyaksikan, kemampuan menganalisa dan sebagainya. Semua perkara tersebut jika dimanfaatkan sepenuhnya pasti mampu menyumbang kepada perpaduan kaum dan agama (Mohd. Rumaizuddin, 2005). Islam sebagai agama yang menepati fitrah insan sentiasa melatih insan supaya memerah otak dan berfikir sebaik-baiknya dan jangan melakukan tindakan melulu yang merugikan. Lihatlah insiden-insiden buruk yang berlaku dewasa ini apabila wujud segelintir rakyat Malaysia yang bertindak tanpa berfikir panjang. Hal ini jika dibiarkan pastinya akan mencemarkan nama baik negara serta merosakkan lagi perpaduan masyarakat yang telah terjalin sekian lama.

Menurut Rauf Shalaby (dalam Usamah, 2003:114), *Hikmah* juga ialah sebagai suatu sifat mulia yang menggambarkan penggunaan perkataan untuk menerangkan asas-asas dalam berdakwah. Ianya juga meliputi pengajaran yang telah diperjelaskan menerusi al-Quran dan as-Sunnah seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sendiri sebagai individu yang sentiasa bersifat hikmah yakni bijak dalam mendidik dan membimbing umatnya. Sejarah Islam membuktikan bahawa Rasulullah SAW tidak hanya menjadi pemimpin kepada masyarakat Islam, bahkan dihormati dan menjadi pemimpin kepada golongan bukan Islam. Tidak pernah dikritik bahawa Rasulullah SAW adalah seorang pemimpin yang agresif ataupun menggalakkkan tindakan ekstrem terhadap umatnya. Perihal *Hikmah* Baginda telah

ditunjukkan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

“Dan berjuanglah dengan hujah-hujah al-Quran, menghadapi mereka dengan perjuangan besar dan bersungguh-sungguh”.

(Al-Furqan, 25:52)

Hikmah Dalam Perilaku Dan Pergaulan Hidup Bermasyarakat

Pergaulan seharian masyarakat Malaysia adalah amat unik jika dibandingkan dengan negara-negara lain (i.e., seperti kebanyakan negara-negara Arab dan lain-lain) yang majoriti rakyatnya hanya daripada satu kaum atau agama sahaja. Ini kerana pergaulan rakyat Malaysia tidak terbatas kepada kaum dan agamanya yang sama sahaja. Rantaian pergaulan dalam sehari merangkumi kesemua agama dan kaum yang wujud di Malaysia. Oleh kerana itulah pendekatan *Hikmah* yang diajar oleh Islam dilihat bersesuaian untuk diamalkan bagi menguatkan lagi hubungan persahabatan dan mengeratkan lagi silaturahim sesama masyarakat.

Hikmah dalam konteks pergaulan seharusnya dimulakan dengan kebijaksanaan akal dan fikiran dalam menentukan yang manakah baik atau buruk untuk dipraktikkan. Akal manusia adalah anugerah Tuhan yang paling berharga dan hanya dikurniakan kepada manusia; tidak kepada makhluk lain. Maka, kurniaan akal tersebut perlu dimanfaatkan sebaik mungkin demi untuk memberikan *Maslalah* yakni kebaikan kepada keseluruhan insan.

Pendekatan *Hikmah* terbaik yang boleh dipraktikkan bagi memupuk perpaduan masyarakat adalah melalui teknik *Qudwatul Hasanah* yang memberi maksud memberi contoh teladan baik untuk diikuti oleh insan lain. Dalam ilmu *Da’wah Islamiyyah*, teknik *Hikmah* sebegini dilihat mampu memberi impak yang besar kepada perubahan diri individu. Cendikiawan Islam iaitu Hasan al-Basri mentakrifkannya sebagai suatu kaedah di mana manusia mempelajari sesuatu perkara tentang kebaikan berdasarkan kepada renungan terhadap contoh amalan atau perbuatan kebaikan yang dilihatkan olehnya, bukan sekadar perkataan yang didengari (Al-Ammar, 2003:45).

Dalam konteks pembinaan perpaduan negara, pendekatan *Hikmah* amat sesuai dipraktikkan oleh golongan pemimpin atau individu berpengaruh dalam negara. Pengikut atau peminat mereka akan berterusan berpecah dan mewujudkan perbalahan antara rakyat yang lebih kronik jika mereka sebagai pengemudi bahtera tidak mengambil langkah bijak untuk bersatu demi keamanan negara. Lebih malang

lagi apabila mereka yang dianggap sebagai ketua memulakan kekecohan dan menyalakan semangat rakyat untuk menganjurkan himpunan haram atau rusuhan atas sebab tertentu. Sepatutnya dengan perilaku yang penuh *Hikmah*, mereka hendaklah mengajar rakyat untuk menyalurkan komen dan suara rintihan mereka melalui jalan yang betul dan sah melalui perundangan supaya tidak memberi kesan buruk pada masa akan datang terhadap diri insan yang terbabit.

Perpaduan sosial akan tercapai dengan mudah sekiranya semua rakyat Malaysia, tanpa mengira agama dan etnik mampu menunjukkan contoh teladan yang baik. Sekiranya ini tercapai, nescaya tiada lagi rungutan daripada sesetengah pihak atau keengganan untuk mengikut arahan, apabila sesuatu suruhan itu dimulakan dan ditunjukkan sampel atau contohnya oleh pesuruh itu sendiri. Sebagai contoh, mengambil rungutan daripada sesetengah pihak mengenai keadaan ekonomi negara yang agak tegang dengan kenaikan beberapa harga barang sejak akhir-akhir ini. Jika negara mahu mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dalam mengurangkan perbelanjaan harian, maka ianya haruslah didahulukan oleh pemimpin menerusi model perbelanjaan berhemah mereka. Masyarakat pastinya akan bersatu padu dalam mengurangkan pembaziran jika ianya dimulakan oleh pihak atasan dahulu.

Pembentukan perilaku *Hikmah* sebegini seringkali ditunjukkan oleh Rasulullah SAW apabila Baginda tidak pernah menyuruh umatnya melakukan sesuatu sehingga dimulakan oleh dirinya sendiri. Perbuatan Baginda tersebut menunjukkan kepada kita bahawa Islam bukanlah suatu agama yang mengamalkan percakapan kosong, tetapi sebelum menyuruh hendaklah memulakan dahulu. Ini dibuktikan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, kenapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? Amat besar kebencian di sisi Allah bahwa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan”.

(Al-Shaff, 61:2-3)

Perpaduan mudah diwujudkan jika percakapan kosong berjaya dikurangkan tetapi dibuktikan melalui perbuatan dan tingkah laku individu yang menjadi pemimpin masyarakat. Benarlah seperti kata pepatah Inggeris, “Actions speak louder

than words", yang mempunyai persamaan dengan pendekatan *Hikmah* yakni *Da'wah bil Hal* yakni ajakan terhadap kebaikan dengan pemberian contoh bagi kebaikan tersebut.

Dalam konteks negara yang pentadbirannya bersifat demokrasi, tidak dinafikan bahawa hak bersuara dan mengeluarkan pendapat itu dibenarkan bagi tujuan penambahbaikan, akan tetapi secara *Hikmah*-nya, biarlah dinyatakan dalam keadaan yang teratur dan tertib. Pemimpin atau individu berpengaruh hendaklah menjadi model peranan (*role model*) dengan menunjukkan teladan terbaik kepada golongan bawahan supaya mereka faham akan erti perpaduan dan permuafakatan sebenar.

Berkemungkinan hal-hal bersifat *furu'* atau "*minor issue*", salah faham atau berselisih pendapat sukar untuk dielakkan. Tetapi apabila ianya membabitkan "*major issue*" seperti pencerobohan terhadap negara atau pencabulan terhadap kedaulatan negara, maka perpecahan antara rakyat tidak wajar berlaku. Disinilah agama yang menjadi tunjang dalam jiwa memainkan peranan penting sebagai penyatu. Tiada agama yang inginkan kerosakan, pembunuhan, kehinaan dan sebagainya. Agama berperanan sebagai kod etika dan aturan moral yang dinamik dan menjadi pedoman bagi penganutnya dalam mengatur kehidupan spiritual supaya lebih bermakna. (Shamsul Amri, 2012).

Perpaduan Melalui *Hikmah* Dalam Komunikasi Dan Pertuturan

Penguasaan terhadap ilmu komunikasi adalah sesuatu yang perlu dititikberatkan dalam membentuk perpaduan dalam negara berbilang agama dan etnik seperti Malaysia. Keadaan politik dan pentabiran negara bertambah pincang tanpa kaedah komunikasi yang tepat dan bersesuaian. Kadangkala dengan sepotong ayat boleh menyebabkan kemusnahan perpaduan dan pergolakan yang besar dalam negara. Kempen yang dianjurkan seperti 'Budi Bahasa Budaya Kita' adalah bukti kepada pentingnya menjagaan tutur kata dan komunikasi antara masyarakat.

Oleh kerana itu, Islam sebagai sebuah agama yang bersifat fleksibel dan komprehensif telah menyuntik elemen *Hikmah* dalam bidang komunikasi dan

pertuturan insan. Wujud perbezaan yang ketara sama ada dari sudut implikasi, nada dan gaya bahasa bagi komunikasi yang berhikmah dengan komunikasi yang tidak berhikmah. Perpaduan hanya dapat dibentuk setelah kesemua rakyat memahami konsep *Hikmah* dalam percakapan sehari-hari mereka.

Menurut ajaran Islam, pendekatan ini dikategorikan sebagai *Mujadalah bil Hasan* yakni berdiskusi atau berbincang mengenai sesuatu isu atau perkara dengan penuh ketenangan, harmoni, dan aman. Umpamanya dalam mewujudkan dialog keagamaan atau kemasyarakatan, haruslah dalam keadaan *Hikmah* dari sudut komunikasinya. Walaupun pada zahirnya isu yang diketengahkan tersebut dijangka mampu membawa kepada ketegangan, tetapi dengan gaya bahasa yang penuh tertib dan *Hikmah*, maka keadaan akan lebih terkawal dan jalan penyelesaian akan tercapai. Maka disinilah pendekatan ini memainkan peranan penting dalam mengeratkan perpaduan.

Sama ada disedari ataupun tidak, ramai dalam kalangan masyarakat Malaysia yang jarang berminat untuk mendengar tetapi lebih suka didengari. Dalam peredaran arus media massa alaf baru yang semakin canggih kini, mudah sekali untuk kita melihat komen-komen atau respons negatif daripada warganegara Malaysia yang tidak menunjukkan ciri *Hikmah* dalam pertuturan mereka, terutamanya dalam laman sosial yang bersifat global. Paling menyedihkan apabila kata-kata berbentuk cacian tersebut keluar daripada golongan yang berpendidikan dan mengaku mempunyai pegangan agama. Di manakah nilai kerohanian dan ketuhanan dalam tutur kata jika segala yang dilafazkan adalah ucapan berbaur kebencian, caci maki yang dikatakan berselindung di sebalik ruangan komen yang tersedia? Anggota masyarakat seharusnya mencontohi pendekatan *Qiyas* yang diajar oleh Rasulullah SAW. Mahukah kita dicaci dan dihambur dengan kata-kata kesat tatkala kita cuba melakukan sesuatu yang terbaik untuk semua? Jika jawapannya tidak, maka ubah dan perelokkanlah kata-kata kita pada insan lain. Itulah pendidikan *Hikmah* yang diajar oleh Islam kepada insan.

Islam adalah agama yang mengamalkan keterbukaan. Tidak sesekali Islam menghalang hak manusia untuk berfikir, bersuara dan seterusnya membuat pilihan yang terbaik untuk mereka. Begitu juga, Islam tidak menghalang untuk melakukan

perdebatan dalam mencari kebenaran. Tetapi, biarlah teguran atau bantahan yang berlaku rentetan daripada perdebatan tersebut diselaraskan dengan teknik komunikasi yang penuh *Hikmah* iaitu dengan cara kelembutan seperti yang disebut oleh Allah SWT:

“Maka bantahlah mereka dengan cara yang baik”

(Al-Nahl, 16:125)

Para mufassiran Islam seperti Sheikh al-Sya'rawi telah menjelaskan bahawa petunjuk yang ingin disampaikan melalui ayat tersebut ialah keharusan untuk diadakan perbincangan dengan menggunakan kaedah kelembutan, tiada wujud sebarang tekanan dan terpenting mengelakkan segala unsur yang membawa kepada pertelingkahan (Al-Sya'rawi, 1991:8282). Pemilihan ungkapan yang sesuai amatlah penting dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Kita sedia maklum bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang datangnya daripada pelbagai latar belakang agama, bahasa dan etnik. Maka, biarlah pemilihan perkataan atau ungkapan yang digunakan itu mudah untuk difahami dan tidak boleh mendorong kepada pemahaman yang salah oleh masyarakat umum.

Dalam pendekatan ilmu dakwah, perdebatan atau interaksi antara pelbagai agama atau etnik lebih mudah difahami atau saling menerima jika hujah yang digunakan bersifat *Hujjatul Aqliyah*; yakni suatu hujah yang bersifat logik akal dan tidak terlalu mendalam atau sukar untuk difikirkan bagi menambahkan keyakinan insan terhadap pendapat yang diutara (Akmak, 2001). Elemen *Hikmah* dalam komunikasi sebegini diyakini akan berjaya mewujudkan toleransi keagamaan yang tinggi dan mempercepatkan lagi agenda perpaduan negara. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepada kamu) dengan cara yang baik, apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta-merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib”.

(Al-Fussilat, 41:34)

Tidak dinafikan hakikat pentadbiran manusia semestinya ada kekurangan dan kekhilafan yang semestinya memerlukan kepada teguran dan nasihat. Akan tetapi kekurangan *Hikmah* dalam memberikan pandangan atau menegur kesalahan insan boleh menjauhkan lagi jurang perpaduan masyarakat. Tiada agama yang wujud di muka bumi ini yang menggalakkan penganutnya supaya bercakap kasar sesama manusia. Malah, kelembutan adalah kunci utama dalam menarik minat insan untuk memahami dan mengetahui tentang agamanya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan ungkapan yang dipegang dalam penulisan kitab Injil iaitu (Selvarani, 2005):

“Orang yang bijak terpuji kerana pengertiannya. Semakin halus perkataannya, semakin dapat meyakinkan orang”.

“Kata-kata yang lembut bagaikan madu, manis rasanya serta menyihatkan badan”

(Amsal: 16: 21/24)

Pertuturan yang menggunakan pilihan kata-kata yang bijak dan susunan ayat-ayat yang sesuai pastinya akan lebih mengeratkan lagi perpaduan antara kaum dan agama. Hikmah dalam konteks komunikasi juga mengingatkan insan supaya berhati-hati serta bijak dalam berkata-kata terutamanya melalui media baharu masa semakin canggih. Setiap anggota masyarakat harus cuba berusaha untuk tidak menggunakan kalimah atau ayat yang kabur serta boleh mengundang pelbagai tafsiran berbaur negatif.

Cerdik pandai ilmu komunikasi menyatakan bahawa komunikasi efektif yang mampu mengubah pendapat insan supaya meyakini sesuatu ialah dengan dua elemen iaitu peringatan secara berperingkat dan peringatan berterusan. Kedua-dua elemen ini wujud dalam Islam dan merupakan teknik utama dalam *Hikmah* yang disebut dengan istilah *Tadarruj* yakni beringkat dan *Istiqamah* yakni berterusan (M. Bahri Ghazali, 1997). Tiada insan yang sunyi daripada melakukan kesalahan atau tersilap langkah dalam melakukan keputusan. Maka itu, setiap teguran untuk memperbaiki itu haruslah secara berperingkat supaya motivasi diri pelaku tidak jatuh dan juga berterusan supaya sentiasa diingati akan nasihat yang baik.

Sama ada disedari atau tidak, sejak akhir-akhir ini pelbagai kekecohan berlaku hanya kerana komen atau ulasan yang diberikan melalui media sosial seperti *Facebook*, blog, *Twitter* dan sebagainya. Kadangkala penulis memaksudkan sesuatu yang berlainan daripada apa yang difikir atau diterjemahkan oleh pembaca. Berkemungkinan teguran yang diberi itu tidak kasar, tetapi dirasakan kasar oleh orang lain kerana penggunaan perkataannya. Di sinilah perlunya kepada usaha mengaktifkan komunikasi diri dengan suntikan elemen *Hikmah* iaitu *Mauizatil Hasanah* yang bermaksud kebaikan atau keindahan dalam perbicaraan. Hal ini tidak bermaksud kita harus menyelindungkan kebenaran demi menjaga hati insan, tetapi perlulah disemai kelembutan dan ketulusan dalam perbicaraan. Anggota masyarakat harus digalakkan untuk menegur, tetapi bukan teguran untuk merendahkan bahkah teguran untuk membina modal insan. Perpecahan juga dapat dielakkan jika tabiat mengeluarkan kritikan pedas, ayat sindiran yang mampu mengguris hati pendengar (Abdullah Muhammad Zin, 1996) serta menzahirkan kekurangan adab percakapan berjaya dijauhkan daripada diri setiap warganegara Malaysia.

Cabaran Mempraktikkan *Hikmah* Dalam Konteks Kemasyarakatan

Sudah menjadi lumrah bahawa setiap perkara kebaikan pastinya akan berhadapan dengan cabaran. Apatah lagi jika ia melibatkan perlaksanaan yang berbentuk *jama'ah* yakni menyeluruh, bukan hanya dilakukan oleh seseorang individu sahaja. Bagimanakah sesuatu idea atau usaha perpaduan akan berjaya mencapai matlamatnya, jika satu pihak berusaha mengukuhkan perpaduan demi keamanan negara, tetapi dalam masa yang sama wujud satu pihak pula yang cuba mencucuk jarum dalam menghasut supaya tidak menyokong agenda perpaduan tersebut? Persekutuan kehidupan bermasyarakat sebegitu haruslah dijauhi dan jangan dibiarkan berlaku kerana hanya akan menghasilkan natijah yang buruk untuk kelangsungan kebaikan hidup generasi yang akan datang.

Dalam praktikal pendekatan *Hikmah* bagi membentuk perpaduan, cabaran utama yang dihadapi ialah keengganan atau rasa liat insan untuk memulakan gaya bahasa yang penuh *Hikmah*, sama ada dalam teguran mahupun percakapan. Buktiya ialah pihak kerajaan perlu melancarkan kempen berbudi bahasa mahupun kempen senyuman, kerana elemen-elemen sebegini sudah semakin pudar dalam kalangan rakyat Malaysia. Atas kesibukan urusan pekerjaan seharian kadangkala

boleh menyebabkan mereka lupa untuk berkenalan dan bertegur sapa dengan warga komuniti mereka, walaupun telah mendiami hidup berjiran selama hampir berbelas atau ber puluh tahun. Inikah yang dipanggil sebagai lambang perpaduan antara masyarakat? Ternyata manusia kategori “*Money Machine*” yang hanya faham dan mementingkan tentang keuntungan dunia sahaja, tanpa mempunyai *Hikmah* dalam pergaulan, pastinya akan membantutkan usaha perpaduan yang dilaksanakan.

Sikap terlalu mudah percaya dan terikut-ikut dengan ledakan perasaan dan emosi amarah juga adalah punca hilangnya *Hikmah* dalam pertuturan serta perilaku manusia. Contoh yang sering terjadi ialah apabila terbaca sahaja mengenai khabar angin mengenai sesuatu perkara yang membuatnya terasa, dengan tanpa usul periksa dirinya akan membuat komen dalam ruangan yang disediakan dengan menggunakan perkataan kesat, bagi melegakan kesakitan dan kegeraman dalam hati.

Cabarannya terakhir ialah kebanyakan pendekatan Islamik yang cuba diperkenalkan kepada masyarakat majmuk bagi tujuan perpaduan, selalunya kurang mendapat sambutan. Ini kerana pendekatan ini dirasakan hanya sesuai untuk diamalkan oleh golongan muslim sahaja. Kajian temubual secara rawak mengenai pendekatan berbentuk Islamik bagi tujuan perpaduan memperlihatkan kebanyakan responden berlainan agama kurang pasti untuk mengguna pakai nilai murni dan keagamaan agama lain (Nurul Huda & Nidzam, 2013:14).

Golongan beragama Islam di Malaysia haruslah memainkan peranan yang penting dalam memastikan pendekatan *Hikmah* dapat diamalkan oleh masyarakat Malaysia sama ada dalam perilaku, secara lisan atau komunikasi mahupun dalam berfikir. Janganlah disempitkan bagi mereka jalan untuk mengenali ajaran Islam yang boleh dikongsi bersama untuk tujuan yang baik seperti perpaduan. Terdapat salah faham dalam kalangan orang awam mahupun cendikiawan yang memahami sumber-sumber Syariat Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah secara sempit berkenaan dengan hubungan Islam dengan bukan Islam dengan fahaman yang cetek dan tergesa-gesa. Salahtafsiran ini boleh menimbulkan syak wasangka dengan tafsiran zahir seolah-olah Islam adalah sebuah agama yang fanatic (Asar Abdul Karim, 2010).

Begitu juga dengan golongan bukan Islam yang telah lama hidup berkongsi negara dengan majoriti masyarakat muslim di Malaysia. Mereka tidak seharusnya mempunyai rasa *phobia* dalam diri dengan pendekatan Islamik kerana motif dan tujuan kesemua agama adalah hampir sama, iaitu kebahagian hidup dan mencapai redha daripada penciptanya. Maka, walau apapun jalan yang boleh menjerumus ke arah itu, haruslah disokong dan dipraktik selagi mana tidak bertentangan dengan prinsip asas keagamaan.

Malah, Islam bukan sahaja menggalakkan perpaduan sesama muslim; bahkan juga dengan golongan bukan seagama yang hidup bermasyarakat dalam sesebuah negara. Seperti yang diketahui bahawa falsafah terbesar mengapa diciptakan manusia daripada pelbagai bangsa dan agama adalah supaya mereka saling mengenali, memahami antara satu sama sekaligus membolehkan mereka untuk hidup bahagia dalam kelompok kenegaraan yang lebih besar (Redwan & Ridhuan Tee, 2013:19). Hal ini telah dinukilkhan oleh Allah SWT menerusi firmanNya yang bermaksud:

“Hai manusia, sesungguhnya Kami mencipta kamu dari seorang laki-laki, seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali antara satu sama lain”

(Al-Hujurat, 49:13)

Kesimpulan

Perpaduan merupakan agenda utama negara yang sewajarnya disokong oleh kesemua lapisan masyarakat, tanpa mengira ideologi politik, asal keturunan dan pegangan agama. Justeru itu, pendekatan bercorak keagamaan seperti konsep *Hikmah* yang merangkumi perilaku dan komunikasi insan haruslah diamalkan dalam kehidupan seharian bagi mengeratkan lagi perpaduan yang telah sedia ada. Pendekatan ini mudah untuk diterapkan ke dalam kehidupan seharian sekiranya dilakukan secara berjemaah oleh keseluruhan rakyat. Ketiadaan elemen *Hikmah* dalam pergaulan seharian boleh menyebabkan kekeruhan dalam hubungan dan menambah lagi sentimen perkauman, yang akhirnya menjerumus kepada saling membenci antara satu sama lain.

Hasil daripada penulisan kerja ini menyimpulkan bahawa, pendekatan *Hikmah* yang ditonjolkan amat berkait rapat dengan kecerdikan dan kebijaksanaan insan untuk memanfaatkan kurniaan akal untuk memikirkan sesuatu yang bukan sahaja terbaik untuk dirinya sahaja, tetapi untuk saudara, rakan, dan jiran yang berkongsi kepentingan dengannya. *Hikmah* juga memberi jaminan kepada kebahagian insan di masa akan datang serta menjauhkan permusuhan antara manusia. Insan yang tidak mempunyai *Hikmah*, khususnya dalam pergaulan dan percakapan sentiasa mengundang kebencian insan lain. Malah, pandangannya akan sentiasa ditolak walaupun hakikatnya berkemungkinan betul. Setiap anggota masyarakat harus berhikmah dalam meniti kehidupan demi menjamin kebahagian hidup di dunia dan menempah kebahagian di akhirat. Kelembutan dan toleransi yang ditekankan oleh pendekatan *Hikmah* berperanan penting dalam membentuk perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.

Rujukan

- Abdullah Muhammad Zin. (2006). *Pengurusan Dakwah Masyarakat Cina dan Orang Asli: Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akmak. (2001). *Bimbingan Berdakwah: Pendekatan Yang Berkesan di Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Al-Furqan, 25:52.
- Al-Fussilat, 41:34.
- Al-Hujurat, 49:13.
- Al-Ammar Ahmad ibn Nasir. (2003). *Sifatu al-Da`iyah*. Riyadh: Dar al-Eshbelia al-Quran al-Karim.
- Al-Nahl, 16:125.
- Al-Radzi Fakhru al-Din. (1994). *Tafsir al-Fakhr al-Radzi al-Musytahar bi al-Tafsir wa Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shaff, 61:2-3.
- Al-Sya'rawi Muhammad Mutawalliy. (1991). *Tafsir al-Sya'rawi*. Kaherah: Dar al-Ikhbar al-Yaum.
- Al-Zuhailiy Wahbah. (2000). *Tafsir al-Wasit*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu`asarah.

Amsal:16:21/24.

Asar Abdul Karim. (2010). *Perkauman Dan Keagamaan Dalam Islam*. Pahang: Penerbitan Universiti Malaysia Pahang.

M.Bahri Ghazali. (1997). *Dakwah Komunikatif: Membangun Kerangka Dasar Ilmu Komunikasi Dakwah*. Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya.

Moh. Ali Aziz. (2004). *Ilmu Dakwah*, Jakarta: Prenada Media

Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2005). *Minda Hadhari*. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn Bhd.

Nurul Huda Mohd Aseri & Nidzam Sulaiman. (2013). *Pendekatan Wasatiyyah Dalam Pembinaan Bangsa Malaysia*. Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar, pnyt: Kartini Aboo Talib & Nidzam Sulaiman & Suzanna, Selangor: Institut Kajian Etnik (KITA).

Redwan Yasin & Ridhuan Tee. (2013). *Pemupukan Nilai KeIslamah Dalam Perpaduan Masyarakat Berbilang Kaum Di Malaysia*.Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar, pnyt: Kartini Aboo Talib & Nidzam Sulaiman & Suzanna, Selangor: Institut Kajian Etnik (KITA).

Selvarani a/p Kovil Pillai. (2005). Komunikasi Efektif di Tempat Kerja dan Hubungannya dengan Elemen Komunikasi dalam Kitab Injil. *Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu dan Berakhhlak*. pynt: Shamsul Bahri Galigo, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Selangor: Institut Kajian Etnik UKM.

Suyuthi Pulunga. (2002). *Universalisme Islam*. Jakarta: PT. Moyo Segoro Agung

Usamah. (2003).*Pendakwah Masa Kini: Sikap dan Pendekatan*. Kuala Lumpur:Yayasan Dakwah Islamiyyah.